

1 MAR 1996

BRITAIN BERI JAMINAN PADA MALAYSIA UNTUK SELESAI ISU HAWK

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Britain hari ini memberi jaminan secara bertulis kepada Malaysia untuk menyelesaikan masalah kerosakan komponen 28 pesawat pejuang Hawk yang dibelinya.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata surat itu diberikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beliau.

Surat itu ditandatangani oleh Ketua Organisasi Perkhidmatan Eksport Pertahanan, Kementerian Pertahanan Britain, Charles Masefield.

Kira-kira 30 komponen 18 pesawat Hawk 200 dan 10 pesawat Hawk 100 mengalami kekerapan kerosakan sehinggakan hampir kesemua pesawat itu tidak dapat beroperasi secara optimum.

Pesawat itu dibeli daripada British Aerospace (BAe) mengikut Perjanjian Bersama Malaysia dan Britain. -- BERNAMA

JM RON